

Tuding jari budaya politik lapuk – SPR
Utusan Online
27 April, 2012

KUANTAN 26 April - Golongan yang suka menuding jari kepada pihak lain dan bukannya memilih jalan untuk bermuhasabah diri apabila kalah dalam pilihan raya, memperlihatkan mentaliti dan budaya berpolitik negara mundur.

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata, soal kalah atau menang seseorang calon tersebut sebenarnya adalah keputusan rakyat dan SPR hanyalah badan bertanggungjawab yang menyediakan 'gelanggang' mengikut undang-undang.

"Ini tidak, kalau tak dipilih, tuduh SPR yang tidak adil. Dia tak muhasabah diri. Patut lihat bila kalah redalah, rakyat dah buat pilihan. (Sebaliknya) bila kalah buat dakwaan kerana daftar pemilih kotor.

"Apa yang kotor? Kita dah bagi penjelasan. Pada 16 April kita bagi penjelasan satu persatu kepada ahli Parlimen termasuk pembangkang. Kita cerita yang dakwaan itu salah, kita cerita apa yang betul kerana kita buat kerja berdasarkan fakta.

"Di negara maju kita tengok walau kempen macam mana pun, yang kalah boleh terus ucap tahniah kepada yang menang. Tetapi kita tidak, sampai bertahun-tahun simpan dendam, tak terima hakikat kekalahan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan taklimat mengenai penubuhan Pasukan Penguat Kuasa Pemantau Pilihan Raya di sini hari ini.

Tegas Wan Ahmad, walaupun SPR sering menjadi bahan cacian pembangkang, pihaknya tidak akan mengalah kerana yang penting adalah untuk menunaikan tanggungjawab kepada rakyat.

Perkara itu katanya, termasuk desakan yang mahukan anggota SPR meletak jawatan sedangkan ia tuntutan tidak masuk akal kerana pelantikan setiap mereka dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu.

"Kita buat kerja kita. Tak pernah pembangkang dapat 82 kerusi di Parlimen, tetapi bila rakyat nak, maka mereka dapat pada pilihan raya lepas. Siapa menyebabkan Barisan Nasional (BN) hilang penguasaan dua pertiga di Parlimen kalau bukan rakyat?

"SPR sedia gelanggang, cuma ada beberapa perkara yang kita tak boleh kawal seperti media. Ini ikut pemilik media kalau ia swasta dan serupa juga dengan portal *Malaysiakini*, *The Malaysian Insider*, dia nak kata apa sahaja, fitnah ke, hak milik dia dan begitu juga media yang dimiliki parti," jelasnya.

Ditanya mengenai kemungkinan negeri-negeri dikuasai pembangkang mengadakan pilihan raya berasingan, Wan Ahmad berkata, walaupun ia boleh dilakukan mengikut undang-undang, namun semua pihak dinasihat memikirkan mengenai kesan keseluruhan jika langkah itu diambil.

"Nasihat kita, lihatlah dari segi kos apabila kena buat dua kali kerja. Pusat mengundi kita pun banyak dibuat di sekolah. Kalau dibuat berasingan kurang-kurang kena tambahan RM100 juta daripada RM300 juta untuk pilihan raya umum ini," ujarnya.

Sementara itu, Wan Ahmad turut memaklumkan SPR akan mengambil tindakan terhadap mana-mana kain rentang atau poster yang dipasang pada pilihan raya umum kelak sekiranya ia didapati menyalahi peraturan seperti menyentuh sensitiviti agama, kaum dan peribadi.

Katanya, untuk itu, Pasukan Penguat Kuasa Pemantau Kempen Pilihan Raya yang dianggotai polis, pihak berkuasa tempatan, SPR dan wakil calon akan mengawasi perkara tersebut apatah lagi Pilihan Raya Umum Ke-13 disifatkan paling getir dalam sejarah.

"Sekurang-kurangnya satu Parlimen akan ada satu pasukan ini. Tetapi kalau jumlah pengundi ramai macam di Selangor, pasukan ini ditubuh di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Pasukan ini akan memastikan setiap aktiviti kempen berlandaskan undang-undang. Saya tengok pada Pilihan Raya Negeri Sarawak lalu, banyak kain rentang yang boleh menggugat perpaduan dan kita tak mahu ia berulang," ujarnya.

Berhubung demonstrasi yang dirancang hujung minggu ini bagi menuntut pembaharuan pilihan raya, Wan Ahmad menyifatkan ia sebagai tindakan tidak rasional kerana hampir semua tuntutan mereka telah dilaksanakan menerusi cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya.

"Tengoklah, saya rasa ada pemimpin pertubuhan tak berdaftar ini jadi calon nanti kerana kita tahu apa tujuan mereka sebenarnya," jelasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0427&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm